

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pencapaian akademik pelajar tingkatan empat aliran teknik Sekolah Menengah Teknik Juasseeh, Kuala Pilah Negeri Sembilan. Secara keseluruhan, berdasarkan jantina dan aliran pengajian, gaya pembelanjaran pelajar-pelajar tersebut juga dikaji secara keseluruhan, mengikut jantina dan aliran pengajian. Selain dari itu, perkaitan antara gaya pembelanjaran dan pencapaian akademik pelajar-pelajar tersebut juga dikaji.

3.2 Persampelan

Sampel kajian ini terdiri daripada 108 orang pelajar-pelajar tingkatan empat aliran teknik, Sekolah Menengah Teknik Juasseeh, Kuala Pilah (Rujuk Lampiran A). Sampel ini terdiri dari pelajar-pelajar lelaki dan perempuan yang telah lulus Penilaian Menengah Rendah pada tahun 1998 yang dipilih secara rawak di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasseeh, Kuala Pilah. Walau bagaimanapun, semasa pentadbiran instrumen dijalankan, 11 orang pelajar tidak hadir untuk sesi tersebut. Jumlah responden yang hadir ialah 97 orang. Berdasarkan jumlah responden yang hadir, sampel kajian ini terdiri dari 60 orang pelajar lelaki (61.9%) dan 37 orang pelajar perempuan (38.1%). Jadual 3.2.1 menunjukkan taburan sampel mengikut jantina.

Jadual 3.2.1

Bilangan dan Peratusan Sampel Kajian Berdasarkan Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	60	61.9
Perempuan	37	38.1
Jumlah	97	100.0

Sampel kajian ini terdiri dari pelajar-pelajar tingkatan empat yang sedang menjalani pengajian dari aliran teknik dalam tiga jurusan pengajian, yang dikenalpasti sebagai jurusan pengajian kejuruteraan elektrik, kejuruteraan jentera dan kejuruteraan awam. Jadual 3.2.2 menunjukkan bilangan sampel dari aliran teknik mengikut jurusan. Bilangan sampel ialah 36 orang (37.1%) dari jurusan kejuruteraan elektrik, 22 orang (22.7%) dari jurusan kejuruteraan jentera dan 39 orang (40.2%) dari jurusan kejuruteraan awam.

Jadual 3.2.2

Bilangan dan Peratusan Sampel Kajian Berdasarkan Aliran Pengajian

Aliran Pengajian	Bilangan	Peratus
Kejuruteraan elektrik	36	37.1
Kejuruteraan jentera	22	22.7
Kejuruteraan awam	39	40.2
Jumlah	97	100.0

Berdasarkan aliran pengajian, sampel kajian ini terdiri dari 22 orang pelajar lelaki (22.7%) dan 14 orang pelajar perempuan (14.4%) dari aliran pengajian kejuruteraan jentera dan 16 orang pelajar lelaki (16.5%) dan 23 orang pelajar perempuan (23.7%) dari aliran pengajian kejuruteraan awam. Bilangan dan peratusan sampel kajian ini berdasarkan aliran pengajian dapat dilihat dalam Jadual 3.2.3 seperti berikut:

Jadual 3.2.3

Bilangan dan Peratusan Sampel Kajian Berdasarkan Jantina Mengikut Aliran Pengajian

Aliran pengajian	Bilangan		Jumlah
	L	P	
Kejuruteraan elektrik	22 (22.7%)	14 (14.4%)	36 (37.1%)
Kejuruteraan jentera	22 (22.7%)	- -	22 (22.7%)
Kejuruteraan awam	16 (16.5%)	23 (23.7%)	39 (39.8%)
Jumlah	60 (61.9%)	37 (38.1%)	97 (100.0%)

3.3 Instrumen kajian

Bagi mengumpul data untuk kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen-instrumen berikut:

3.3.1 *Learning Style Inventory* adalah instrumen gaya pembelajaran yang dibina oleh Dunn, Dunn dan Price (1985). Instrumen ini (Rujuk Lampiran B) digunakan kerana beberapa sebab:-

- ❖ Item-item yang terkandung di dalamnya adalah sesuai dengan maklumat tentang gaya pembelajaran pelajar yang diperlukan untuk kajian ini.
- ❖ Instrumen ini juga sesuai dengan peringkat umur sampel yang telah dipilih.
- ❖ Ia telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan digunakan dalam kajian Robiah (1996). Walau bagaimanapun, terjemahan yang dibuat oleh Robiah (1996) telah diubahsuai dan disemak semula untuk keperluan kajian ini.

Instrumen itu diubahsuai dengan menambah maklumat seperti berikut:-

nama, nombor pengenalan, jantina, aliran pengajian, keputusan peperiksaan PMR, keputusan peperiksaan semester satu tingkatan empat, tempat tinggal sekarang, latarbelakang pendidikan ibu bapa dan kumpulan keturunan.

Learning Style Inventory merupakan suatu laporan kendiri yang terdiri dari 104 item dimana maklumat yang diperolehi diproses menggunakan SPSS (*Statistical Package For Social Science*). Inventori ini dibina untuk pelajar gred 3 hingga gred 12 di Amerika Syarikat bersamaan dengan tahun 3 tingkatan 6 rendah bagi pelajar-pelajar di Malaysia. Ia direkabentuk mengikut pendekatan faktor analisis untuk menganalisa stail belajar individu berdasarkan suasana serta keadaan yang dapat menggalakkan pembelajaran secara optimum dan berkesan. Instrumen ini menilai keserasian dan pilihan individu untuk belajar dalam 22 elemen yang telah dikenalpasti. Item-item yang terkandung dalam elemen-elemen tersebut dikategorikan kepada empat faktor rangsangan iaitu persekitaran, emosi, sosiologikal dan fizikal.

Pembahagian item berdasarkan 22 elemen dan 4 faktor rangsangan ini dapat dilihat dalam Lampiran C.

3.3.2 Keputusan peperiksaan semester 1 (Rujuk Lampiran A) digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang pencapaian akademik pelajar. Peperiksaan Semester 1 merupakan penilaian bagi pelajar-pelajar tingkatan empat yang telah memulakan sesi pengajian mereka pada bulan Januari 1999 setelah lulus peperiksaan Penilaian Menengah Rendah pada tahun 1998. Peperiksaan ini merangkumi penilaian dalam 10 matapelajaran teras dan elektif yang terdiri dari matapelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik Moden, Sejarah, Pengajian Agama Islam, Matematik Tambahan Pengajian Kejuruteraan, Lukisan Kejuruteraan, Kimia dan Fizik. Bentuk penilaian dalam peperiksaan semester 1 ini adalah berdasarkan bentuk penilaian Sijil Pelajaran Malaysia dimana pelajar-pelajar diberikan pangkat 1,2,3 dan 4 (gagal) berdasarkan agregrat yang diperolehi dalam enam matapelajaran terbaik dari kumpulan teras dan elektif. Kajian ini menggunakan jumlah agregat yang diperolehi oleh pelajar dalam peperiksaan semester satu sebagai pencapaian akademik.

3.4 Kesahan dan Kebolehanpercayaan *Learning Style*

Inventory (LSI)

Banyak usaha telah dijalankan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan LSI sejak ianya pertama dibina. Setelah satu analisis kandungan dibuat ke atas 223 item LSI pada tahun 1974, instrumen ini telah dicuba ke atas 1596 orang pelajar di Amerika dan Kanada yang dipilih secara rawak pada tahun 1975.

Beberapa perubahan telah dibuat antara tahun-tahun 1984 hingga 1985 termasuk mengubah skala respons dari benar / tidak benar kepada skala 5 mata Likert bagi meningkatkan kesahan LSI.

Kajian yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan Universiti Ohio mengesahkan kebolehpercayaan dan kesahan LSI. Berikut itu, dua lagi laporan yang berlainan turut memberi pengesahan (Curry, 1987, De Bello, 1990).

3.5 Pentadbiran Instrumen Kajian

LSI telah diedarkan kepada 97 orang sampel. Dengan kerjasama yang diperolehi dari beberapa orang guru melalui Pengetua Sekolah ini, *Learning Style Inventory* ini telah dapat ditadbirkan pada 4 Oktober 1999 kepada 97 orang sampel. Ujian ini ditadbirkan dalam kelas masing-masing secara serentak. Mereka di beri masa 30 minit untuk menjawabnya. Sebelum ujian ditadbirkan, dengan kerjasama guru-guru yang telah membantu, perkara-perkara berikut telah dijelaskan kepada responden:

1. Ujian ini hanyalah merupakan satu usaha untuk mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar sekolah ini.
2. Ujian ini tidak bermaksud untuk mengenalpasti kedudukan akademik pelajar.
3. Pelajar diminta menjawab dengan bebas kerana tiada jawapan “betul” atau “salah”.

4. Pelajar diminta menjawab dengan jujur kerana kesahan ujian ini bergantung kepada kejujuran pelajar.
5. Sila jawab SEMUA item.
6. Pelajar boleh bertanya sekiranya ada yang tidak jelas tentang mana-mana item.

3.6 Ujian Rintis

Satu ujian rintis telah dijalankan sebulan sebelum inventori ini ditadbirkan di Sekolah Menengah Teknik Juasseeh. Ujian ini melibatkan 20 orang pelajar tingkatan empat dari sekolah lain. Mereka terdiri dari 10 orang pelajar perempuan dan 10 orang pelajar lelaki. Hasil dari ujian rintis ini menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan adalah jelas dan dapat difahami oleh semua responden. Jangka masa yang ditetapkan selama 30 minit ini juga didapati mencukupi untuk membolehkan responden menjawab semua item inventori.

3.7 Variabel Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Teknik Juasseeh, Kuala Pilah, meninjau perkaitan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar dan mengkaji sama ada terdapat perbezaan gaya pembelajaran di antara pelajar-pelajar berdasarkan jantina dan aliran pengajian. Berdasarkan tujuan tersebut, variabel-variabel yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah 4 faktor rangsangan gaya pembelajaran Dunn, Dunn

dan Price (Rujuk Lampiran B) pencapaian pelajar berdasarkan keputusan peperiksaan semester 1 (Lampiran A), jantina pelajar dan aliran-aliran pengajian.

3.8 Analisis Data

Penganalisaan data dibuat dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package For Social Science*). Bagi mendapatkan data statistik asas seperti taburan kekerapan, peratusan, jadual rujuk silang *cross tabulation* digunakan. Untuk melihat perbezaan dari segi pencapaian dan gaya pembelajaran berdasarkan jantina, analisis ujian-t digunakan. Pekali Korelasi Pearson pula digunakan untuk melihat hubungan antara pencapaian akademik dengan gaya pembelajaran. Manakala analisis anova (satu hala) digunakan untuk melihat perbezaan pencapaian akademik dan gaya pembelajaran berdasarkan aliran pengajian.

Bilangan dan peratusan responden yang memilih sesuatu jawapan bagi setiap variabel diperolehi dengan menggunakan kaedah taburan kekerapan dan peratusan.